

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan kaedah pengumpulan data serta cara penganalisan data yang digunakan secara menyeluruh terhadap data kajian ini. Bab ini juga merangkumi maklumat mengenai responden kajian dan instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini.

3.1 Metodologi

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif mudah. Data bagi kajian ini dikumpul daripada 93 cerpen Tamil untuk mengkaji pemindahan lexis bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil.

3.2 Data Kajian

Sumber data kajian ini ialah tiga jenis akhbar di Malaysia iaitu *Tamil Nesan* (TN), *Malayasian Nanban* (MN) dan *Makkal Osai* (MO). Ketiga-tiga akhbar ini telah dipilih sebagai sumber data kerana pada kebiasaannya beberapa cerpen diterbitkan setiap hari Ahad dalam akhbar-akhbar ini. Selain itu pengkaji juga akan mendapat data kajian yang terkini dan menyeluruh. Ketiga-tiga akhbar inilah yang menjadi media utama bagi para penulis cerpen Tamil di Malaysia untuk menerbitkan hasil karya mereka. Kesemua edisi mingguan ketiga-tiga akhbar ini dikumpul selama 6 bulan atau 24 minggu iaitu mulai 1 September 2009 hingga 29 Februari 2010. Semua cerpen yang disiarkan dalam ketiga-tiga akhbar ini dikumpul bagi mendapatkan kata kajian.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Korpus yang telah dikumpul daripada cerpen-cerpen Tamil yang tersiar dalam tiga buah akhbar Tamil tempatan iaitu *Malaysia Nanban*, *Makkal Osai* dan *Tamil Nesan* akan dikaji. Cerpen-cerpen yang digunakan dalam kajian ini adalah yang diterbitkan pada setiap hari Ahad dalam ketiga-tiga suratkhbar tersebut. Cerpen-cerpen ini dikumpulkan bagi tempoh 6 bulan atau 24 minggu. Pada kebiasaannya hanya satu cerpen diterbitkan dalam akhbar *Malaysia Nanban* dan *Tamil Nesan*. Manakala bagi akhbar *Makkal Osai*, lebih dari satu cerpen diterbitkan pada setiap hari Ahad. Sebanyak 93 cerpen telah dikumpulkan. Setiap cerpen pada puratanya mempunyai 1,600 patah perkataan. Hasil daripada 93 buah cerpen Tamil yang telah dikumpulkan didapati mempunyai sejumlah 146849 patah perkataan.

Cerpen-cerpen yang tersiar dalam akhbar-akhbar tersebut dikumpulkan dan dikodkan mengikut nama akhbar dan bilangan cerpen. Pengekodan dibuat berdasarkan format berikut:

Singkatan nama akhbar/ bilangan cerpen

Ketiga-tiga akhbar dirujuk dengan kod ringkas seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3.1 Kod Ringkas Akhbar Harian Tamil

Akhbar	Kod
Malaysia Nanban	MN
Tamil Nesan	TN
Makkal Osai	MO

Setiap cerpen yang dikumpulkan dilabelkan dengan Kod Ringkas akhbar dan nombor. Nombor yang diberikan itu menunjukkan urutan bilangan cerpen yang dikumpulkan dari setiap akhbar. Berikut ialah contoh pengekodan sebuah cerpen dalam akhbar Makkal Osai.

MO 3

Setelah selesai pengumpulan data utama, pengkaji telah mengumpul data dari responden kajian ini. Pengkaji menghubungi pihak penulis cerpen Tamil Malaysia untuk mendapatkan kebenaran supaya dapat mentadbirkan soal-selidik kepada mereka. Tujuan menggunakan soal-selidik ialah untuk mendapatkan maklumat tambahan seperti faktor-faktor yang mempengaruhi para penulis cerpen untuk menggunakan lexis bahasa Inggeris dalam penulisan cerpen Tamil. Maklumat yang diperoleh melalui soal-selidik ini dianalisis untuk mendapatkan jawapan bagi soalan kajian yang ke-3.

3.4 Responden Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada dua kumpulan. Jumlah keseluruhan responden kedua-dua kumpulan ini terdiri daripada 16 orang penulis yang dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam penulisan cerpen.

Kumpulan 1 - Pengalaman responden dalam penulisan cerpen lebih daripada 10 tahun (seramai lapan responden).

Kumpulan 2 - Pengalaman responden dalam penulisan cerpen kurang daripada 10 tahun (seramai lapan responden).

Pilihan responden dibuat berdasarkan gabungan gender.

3.5 Instrumen Kajian

Satu set soal selidik digunakan bagi mengumpul data dalam kajian ini. Soal selidik ini adalah untuk dijawab oleh penulis cerpen Tamil (Lampiran 3). Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu bahagian A, B dan C.

Bahagian A

Bahagian ini mempunyai ruang untuk membolehkan sampel mengisi maklumat latar belakang demografi mereka. Sebanyak 7 item soalan dikemukakan untuk mengetahui latar belakang sebenar penulis. Ia adalah seperti berikut:

Item 1 - Umur.

Item 2 - Kelayakan akademik tertinggi.

Item 3 - Kelayakan bahasa Tamil tertinggi.

Item 4 - Pekerjaan.

Item 5 - Bahasa pertuturan di rumah.

Item 6 - Pengalaman dalam penulisan cerpen (tahun).

Item 7 - Bilangan cerpen yang pernah responden menuulis.

Bahagian B dan C adalah untuk memperolehi maklumat pendapat umum sebab-sebab penggunaan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil oleh penulis.

Bahagian B

Bahagian ini mempunyai 4 item untuk memperolehi maklumat atau pendapat umum mengenai sebab-sebab penggunaan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil oleh penulis. Ia adalah seperti berikut:

Item 8 - Berapa kerapkah anda menggunakan perkataan bahasa Inggeris dalam pertuturan harian?

Item 9 - Apakah pandangan anda mengenai penggunaan perkataan-perkataan bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil?

Item 10 - Adakah anda menggunakan perkataan bahasa Inggeris dalam penulisan cerpen?

Item 11 - Adakah penggunaan perkataan bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil akan meningkatkan prestij anda sebagai seorang penulis sastera moden?

Bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci bagi setiap item soalan pada bahagian A dan B, sila rujuk pada lampiran 3.

Bahagian C

Bahagian ini terdiri dari satu item sahaja yang terdiri soalan terbuka. Item ini dikemukakan untuk memperolehi maklumat mengenai situasi penggunaan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil oleh penulis. Soalan terbuka ini akan berbunyi seperti berikut:

Item 12 - Pada kebiasaanya, apakah mungkin menjadi sebab bagi para penulis untuk menggunakan perkataan Inggeris dalam cerpen Tamil?

Set borang soal-selidik ini akan diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil sebelum diberikan kepada penulis untuk dijawabnya (Lampiran 4)

3.5.1 Tujuan Penggunaan Soal Selidik

Dalam kajian ini soal selidik ditadbirkan untuk mendapatkan maklumbalas kualitatif daripada penulis tentang sebab-sebab kecenderungan mereka menggunakan leksis-leksis bahasa Inggeris dalam penulisan cerpen Tamil.

3.6 Penganalisan Data

Kajian ini merupakan satu kajian yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif mudah.

3.6.1 Penganalisan Data dari Sumber Utama

Leksis-leksis pinjaman Inggeris yang terkandung dalam setiap cerpen dikenal pasti setelah dibaca secara teliti. Setelah itu, leksis-leksis tersebut disenaraikan dalam borang penganalisan jenis-jenis pinjaman (Lampiran 1). Senarai leksis pinjaman yang terkumpul itu telah disemak oleh dua orang pensyarah yang mahir dalam bahasa Tamil dan bahasa Inggeris untuk menentukan sama ada kata/leksis yang tersenarai adalah leksis pinjaman Inggeris. Pada peringkat kedua leksis-leksis yang dikenal pasti dikategorikan mengikut Kerangka Pengklasifikasian Leksis yang ditentukan oleh pengkaji. Kerangka Pengklasifikasian ini adalah kombinasi Kerangka Pengklasifikasian Haugen (1953) dan Heah (1989). Penerangan secara detail mengenai kedua-dua kerangka konsep pengklasifikasian ini terdapat pada Bab 2. Rumusan Kerangka Pengklasifikasian yang digunakan bagi menganalisis leksis-leksis pinjaman bahasa Inggeris adalah seperti berikut:


3.6.2 Pengklasifikasian Leksis-leksis Pinjaman Inggeris

Leksis-leksis pinjaman bahasa Inggeris yang dikenal pasti dalam cerpen-cerpen Tamil dikelaskan secara umum mengikut kategori yang dicadangkan Haugen (1953).

i) Pengimportan (*Importation*)

ii) Penggantian (*Substitution*)

Kategori-kategori pinjaman ini diperincikan lagi mengikut kombinasi kerangka Konsep Pengklasifikasian yang dicadangkan oleh Haugen (1953) dan Heah (1989) seperti dalam Rajah: 3.1.



Rajah3.1: Pengklasifikasian Jenis-jenis Pinjaman yang dicadangkan oleh Haugen (1953) dan Heah (1989)

Bagi memastikan leksis yang dikenal pasti dari cerpen itu berasal dari bahasa Inggeris, kepakaran dua informan Tamil digunakan. Informan-informan ini akan dipilih daripada pensyarah atau pengajar bahasa Tamil yang mahir dalam bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Selain itu kamus bahasa Inggeris dan Tamil akan digunakan bagi tujuan ini.

3.6.3 Penganalisan Secara Kuantitatif

Kekerapan penggunaan leksis pinjaman dalam setiap cerpen akan dianalisis mengikut kategori pinjaman atau pemindahan yang diterangkan pada 3.6.2. Jumlah leksis yang dipinjam dan peratusannya telah dikira dan dipaparkan dalam jadual.

3.6.4 Penganalisan Data dari Soal Selidik

Data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik juga dijadikan sumber data kajian. Sila rujuk borang soal selidik di Lampiran 3 (dalam bahasa Malaysia) atau Lampiran 4 (dalam bahasa Tamil) yang disertakan. Pada keseluruhan, data-data yang diperolehi daripada soal-selidik penulis cerpen dianalisis secara kualitatif.

3.7 Kajian Rintis

Satu kajian rintis akan dilakukan untuk memperbaiki soal-selidik. Seramai 2 orang responden akan dipilih untuk kajian rintis ini.

Kajian rintis yang dijalankan membolehkan pengkaji mendapat maklumbalas tentang kekurangan yang wujud dalam borang soal selidik. Masalah-masalah yang timbul dalam kajian rintis juga dijadikan pengalaman sebelum kajian sebenar dijalankan.

Kajian rintis ini juga membolehkan pengkaji menguji kejelasan soalan-soalan dalam borang soal selidik. Selepas kajian rintis, kaedah penyoalan pengkaji diperbaiki, soalan-soalan dalam borang soal selidik distruktur semula ayatnya, susun atur soalan dalam soal-selidik juga diperbaiki.

Lampiran 3 (dalam bahasa Malaysia) dan Lampiran 4 (yang diterjemahkan dalam bahasa Tamil) yang disertakan adalah borang soal selidik yang disediakan selepas kajian rintis dijalankan.

3.8 Penutup

Penyediaan awal yang teratur seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 3 ini membantu pengkaji mendapat satu hasil kajian yang jitu yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.